



## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### ARAHAN KEWANGAN BIL. 10 /2013

Rujukan : Bil (28) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

22 Ogos 2013

Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya  
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

#### **PEMBELIAN BEKALAN / KERJA / PERKHIDMATAN TANPA MELALUI PROSES PEROLEHAN MAJLIS**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan rekod di Jabatan Kewangan, terdapat pembelian bekalan/kerja/perkhidmatan yang dilaksanakan tanpa melalui proses perolehan yang telah ditetapkan Majlis (i.e. **pembekalan tanpa Pesanan Pembelian yang diluluskan**) yang mana ianya tidak selari dengan pematuhan peruntukan yang terkandung dalam Arahan Perbendaharaan: Bab B (III) – Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja.
3. Oleh yang demikian, semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit adalah dipohon untuk memastikan setiap pembelian yang dibuat di Jabatan/Bahagian/Unit dibuat mengikut prosedur perolehan yang telah ditetapkan **bagi mengelakkan sebarang kesulitan dan tindakan surcaj/tatatertib diambil kelak.**
4. Adalah juga diingatkan bahawa pembelian secara 'Baucer Terus' perlu dielakkan dan hanya boleh dilaksanakan apabila terdapat **keperluan mendesak selari dengan pematuhan AP 173.2 – Perolehan Darurat** yang mana ianya melibatkan perolehan yang perlu dibuat segera atau serta merta dimana kelewatan perolehan tersebut akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

## ARAHAN KEWANGAN BIL. 10 /2013

### PEMBELIAN BEKALAN / KERJA / PERKHIDMATAN TANPA MELALUI PROSES PEROLEHAN MAJLIS

5. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan bagi pembelian secara 'Baucer Terus' yang sejajar dengan pematuhan AP173.2 seperti yang dinyatakan di atas, permohonan tersebut boleh dipanjangkan kepada Jabatan Kewangan bagi mendapatkan kelulusan Pengarah Kewangan Bandaraya.
6. Adalah diharapkan dengan makluman, pemantauan dan peranan yang berterusan dari masa ke semasa oleh semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit, Majlis dapat mencapai pematuhan sepenuhnya kepada Arahan Perbendaharaan ("AP"): Bab B (III) – Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja dan melaksanakan perolehan secara berhemah dan telus.
7. Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah **berkuatkuasa serta merta**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**"INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI"  
"CINTAILAH BANDARAYA IPOH"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)**  
Datuk Bandar Ipoh

